# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 25 | RABU 18HB JUN, 1980. | 1400 رابو 4 شعبان | PERCHUMA


## PG ANAK HURMAH RAIHAANATUL BULQIAH MANGKAT



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah menjirus ayeng asah-asahan ka-atas makam Al-marhumah sa-telah selesai Istiadat Permakaman. — Gambar ehsan RTB.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jenazah Al-Marhumah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hurmah Raihaanatul Bulqiah telah selamat di-makamkan di-Makam Diraja pada petang hari Jumaat lalu.

Al-Marhumah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hurmah Raihaanatul Bulqiah, chunda kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, ia-lah anaknda kapada YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof.

Al-Marhumah telah mangkat di-Istana Darul Hana pada petang hari Khamis, 12hb Jun.

Turut memberikan penghormatan terakhir di-Istana Darul Hana sa-jurus sa-belum Istiadat Permakaman Al-Marhumah, termasok-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, TYT Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Cheteria2 dan lain2 pembesar2 negara.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara telah berangkat mengepalai pembesar2 negara di-Istiadat Permakaman Al-Marhumah di-Makam Diraja.

Seluroh negara telah berkabong sa-lama sa-hari dan bendera di-kibarkan sa-tengah tiang.

# UPACHARA PERBARISAN HARI KEPUTERAAN BAGINDA QUEEN ELIZABETH II

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei mera'ikan hari keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II dengan satu Upachara Perbarisan yang telah berlangsong di-Padang Besar di-sini pagi semalam.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat ka-upachara tersebut.

Perbarisan yang di-perentah oleh Major M.T. Cook itu mengandongi anggota2 dari pasokan ke-sepuloh Princess Mary's Own Gurkha Rifles, Askar Melayu Diraja dan Pulis Diraja Brunei.

Gabongan tiga buah pasokan pencharagam pasokan2 yang mengambil bahagian juga turut menyertai upachara pagi semalam.

Sepuloh buah pasokan dari pertubohan awam juga menyertai upachara perbarisan tersebut ia-itu pasokan Jabatan Laut, Jabatan Kastam Diraja, Jabatan Bomba, Jabatan Imigeresen pasokan Kadet AMDB, Kadet Pulis Diraja Brunei, Palang Merah, Pergerakan Pengakap, Pandu Puteri dan Boy's Brigade.

Manakala murid2 sekolah telah berbaris di-sekeliling padang perbarisan itu.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson tiba ka-Upachara itu kira2 jam 8.00 pagi dan di-ikuti dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan beberapa minit kemudian.

Sa-jurus sa-telah itu, Pemerentah Perbarisan Major Cook menjemput Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British untok memereksa perbarisan pasokan2 yang mengambil bahagian.

Sa-telah selesai memereksa barisan, Bendera peribadi DYMM Seri Paduka Baginda Queen pun di-naikkan sa-bagai menandakan keberangkatan tiba Baginda ka-Upachara tersebut dan di-ikuti dengan Hormat Diraja.

Kemudian Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi membachakan perutusan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen kapada seluroh Komanwel.

Sa-telah pasokan pencharagam memainkan beberapa buah lagu pilehan, perbarisan telah melepaskan tembakan tanda-gembira di-selangi dengan tembakan meriam sa-banyak 21 das dan serentak dengan itu enam buah pesawat helikopter terbang lalu.

Tiga kali sorak untok DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II di-berikan oleh pasokan2 yang mengambil bahagian.

Sa-bagai menandakan keberangkatan DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II dari kawasan Perbarisan, bendera peribadi Baginda di-turunkan dan ini di-ikuti dengan perba-

Lihat muka 16



TYT Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson memereksa barisan pasokan Pulis Diraja Brunei di-Upachara Perbarisan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II yang di-adakan pagi semalam.

# Ibadat Sembahyang merupakan tiang kekuatan Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin menegaskan bahawa ibadat sembahyang ada-lah merupakan tiang kekuatan Ugama Islam.

Oleh itu, kata-nya, sa-bagai orang2 Islam kita mesti-lah sentiasa melebehkan usaha pada menunaikan sembahyang lima waktu dan memelihara dengan sebaik2-nya serta terus kukoh bersatu padu menegakkan tiang ugama dan memelihara serta menyibarkan shi'ar Islam.

YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menegaskan sembahyang itu, ada-lah salah satu rukun Islam yang kelima dan sa-bagaimana yang sering kita dengar bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud 'Sembahyang itu tiang Ugama dan barangsiapa meninggalkan-nya bererti ia-nya meruntohkan Ugama'.

Beruchap merasmikan Pertandingan Nashid Perengkat Akhir Sa-negeri sempena sambutan Isra' dan Me'raj yang telah di-adakan di-Dewan Raya RTB di-sini pada malam Rabu yang lepas, Yang Berhormat menambahkata: "Sembahyang ada hubongan rapat dengan suara azan dan suara yang merdu serta irama yang menawan dan nada yang mengetarkan kapada orang2 yang mendengar-nya, kerana azan ada-lah satu panggilan untok bersembahyang".

Maka dengan sebab itu-lah kata-nya, pertandingan nashid di-adakan semata-mata pada melahirkan suara2 yang merdu yang akan dapat mengetarkan jiwa dan mengharukan hati kita sahingga menggerakkan kita untok lebeh bertakwa kapada Allah s.w.t. dengan chara menunaikan ibadat sembahyang.

Di-mana, jelas Yang Berhormat nashid yang sehat

Lihat muka 16

## Pegawai2 AMDB naik pangkat

BERAKAS. — Sa-ramai lima orang Pegawai Askar Melayu Diraja Brunei, telah di-naikkan pangkat.

Pemangku Major Abdul Aziz bin Abdullah dari Markas Pasokan telah di-tetapkan ka-pangkat Major mulai 23hb Mei, 1980 yang lalu.

Sementara empat orang yang lain, yang masing2 memegang jawatan sa-bagai Pemangku Kapten, sekarang di-tetapkan ka-pangkat Kapten.

Mereka ia-lah Pemangku Kapten Pg Tajuddin bin Pg Hashim dari Battalion Pertama, Pemangku Kapten Matzan bin Abd Ghani dari Battalion Kedua, Pemangku Kapten Md Radin bin DMS Dian dari Chawangan Udara dan Pemangku Kapten Jamil bin Pehin Dato Haji Mohammad dari Battalion Kedua.

Kenaikan pangkat bagi ke-empat2 orang itu bermula dari 16hb Jun, 1980.

## Manis-nya Iman

"ADA TIGA perkara yang kalau terdapat pada diri sa-seorang dia akan merasa kemanisan iman ia-itu: kaseh-nya kapada Allah dan Rasul mengatasi kaseh-nya kapada yang lain; kaseh-nya kapada sa-seorang ada-lah semata2 kerana Allah jua; dan dia membenchi kekufuran sa-bagaimana dia tidak suka kalau diri-nya di-humbankan ka-neraka." — HADITH Nabi riwayat Bokhari dan Muslim.



Awang Johari bin Pehin Penyurat Haji Umar on behalf of the RTB team who won the second place in the State Final Nashid Contests receive a present given by the State Religious Affairs Officer.

## Isra' Me'raj Nashid Competitions

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Youth and Sports Body of the Public Works Department won the men section's championship in the final of the State-level nashid competitions held last week.

Whilst the champion of the women section was the Seri Begawan Teachers' Training College.

The State Religious Affairs Officer, the Hon'ble Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Hj Mohd Zain bin Haji Serudin, declared open the contests taken part by 10 teams, half of them being women and held at the auditorium of the Radio and Television Brunei and was telecast and broadcast live on TV and over radio.

The Religious Affairs Department organized the competitions aimed at celebrating the Isra Meraj.

A Koran reading was also presented by this year's Brunei-Muara District Koran reading champion, Awang Metassim bin Hj Metussin.

An officer of the department, Awg Hj Abd Rajid bin Hj Abd Kadir, talked on the grand occasion.

Meanwhile, in other districts, colourful programmes were also held to celebrate the important day.

## Business and package tours

BANDAR SERI BEGAWAN. — In order to facilitate Brunei tourists, particularly the businessmen, to go to Singapore, well-known for its being "The Paradise of Shoppers", the Royal Brunei has introduced new business and package tours.

The costs of the package tours are between $460 and $530, depending on the class of hotel, and including the fee of a twin hotel room.

The validity of a ticket is four days and three nights.

The days of departure for the Republic are Sundays, Mondays, Tuesdays, Wednesdays, and Saturdays.

While those of returning are Tuesdays, Wednesdays, Thursdays, Fridays and Saturdays.

Brunei tourists going to Singapore are vastly increasing.

The RBA and SIA have always been heavily booked, especially so for the week-end flights and during holidays.

## Teachers visit Sabah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty two teachers, including five women from the Belait and Tutong Districts returned home on Sunday from Kota Kinabalu.

Their main purpose of visiting the Gaya College there was to strengthen close ties between them.

Led by Awg Metali bin Hj Ibrahim, they flew to Sabah on Thursday afternoon.

During their three-day visit there, the teachers held friendly volleyball, sepak takraw, badminton and table tennis matches against the teams of the college.

## Dutch Consul leaves Brunei

SERIA. — Mr Chris Lammers, the Dutch Consul, and his family left Brunei last week after spending 17 years in the State.

He was one of the most prominent personalities in the Dutch community here.

In addition to being the Dutch Consul, he was one of the pillars of strength in other various organisations, notably the Royal Brunei Motor Club and the Brunei Shell Karting Club which have organized a great number of motoring races that have crazed a sea of fans.

Furthermore, he was key member of the Belait District's His Highness the Sultan and Yang Dipertuan's Birthday Celebrations Committee and the Ex-Services Association which owe him a debt of contributions and gratitude.

Prior to his departure with his wife and son, he said Mr John Appel, the Head of the Brunei Shell's Engineering Maintenance will be acting Dutch Consul until formal approval by the Brunei, British and Dutch governments.

## Open volleyball championship

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei National Volleyball Association is organising an open volleyball championship for this year.

The tournament is scheduled to commence on June 22.

About 23 teams, including 3 woman squads, will participate in the games.

Among them, 10 teams will be from Seria, Kuala Belait and the Tutong District and 13 squads from the Brunei-Muara District.

The captains of all the participating teams attended two ballotings early this week.

This is the second time that the Association organizes the tourney.

# YOUTH ASSOCIATIONS URGED TO FOSTER DEDICATION

MUARA. — The Director of Welfare, Youth and Sports, the Hon'ble Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein urged the youth associations to always foster dedication and revive confidence among youngsters no matter where they are.

Because, he said, if the concept of consideration and consciousness and the desire to progress are always the objectives of the youth leaders, then we will no longer hear the Malay proverb, "Hidup segan mati tak mahu" which is uttered by a great number of the people nowadays.

He was speaking shortly before he officially opened the Pesta Tamu Belia held at the beach here recently.

However, he added, by holding the festival which is organized by the Brunei Youth Council, it is clear that the teenagers are able to prove their determination and efforts through unity by way of organizing such an activity.

"With such an activity, my doubt is slowly diminished and no longer existed when I see the activity is still going on and we realize that several years back, the youths' activities were nearly forgotten," he stressed.

Regarding the roles of the Youth Council, he stressed that the council has successfully attracted new blood and give them the roles and mandates to arrange the festival which has projected the awareness and thoughtfulness as well as the desire to progress.

"In my opinion, such circumstance is suitable in this transitional period which needs the young generation to come forward and they will be given an opportunity to involve in such an activity in future," he pointed out.

For this purpose, he also urged the Youth Council to do whatever they can in order to implement the plan of welfare in order to give the true picture regarding the social activities to the youths.

Although the success of a project will not take a long time, yet it needs patience and determination.

He also hoped the spirit of consideration among the youths should not only concentrate on one aspect, but also on other aspects which are meaningful and more effective.

The Brunei Youth Council has wooed more than 5,000 enthusiasts from all walks of life.

Meanwhile, the President of the Brunei Youth Council, Awang Haji Jaya bin Abd Latif also urged the authorities concerned to give the cooperation to the youths in their effort to strengthen their determination and to develop their creation in order to meet the demands both locally and internationally.

He said, "In the face of our challenging period, all of us, not only the youths have our own responsibilities to shoulder. The government of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan for its thoughtfulness via the Welfare, Youth and Sports Department continues to provide useful facilities to the youths in this country".

"Having realized the facilities given, the Youth Council always abides by the Law and Order of this country, and will never use the opportunity for the individual benefits", the President clarified.

Regarding the Pesta held that day, he said, it is a good sign of unity among the Brunei youth clubs in achieving what is useful for the country.

He also said, youths have proved that they are ready to unite in all matters and are ready in exchanging opinions with one another and to achieve one aim — to unite all the youths in Brunei.

He also reminded the youths that their success depends on what members will do, and if they have done something good, it means that they are working towards the goal, and if something bad is done, it is contrary to the main aim.

And finally in his speech, he said, he is happy to know that the youths in Brunei are not affected by foreign cultures through various mass-media, and that the youths have proved that, they not only meet the cultural necessities but also the spiritual needs.

## Sultan's niece passes away

BANDAR SERI BEGAWAN. — The funeral rite of the YAM Pengiran Anak Hurmah Raihaanatul Bulqiah bte Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof was held at the Royal Mausoleum here on Friday morning.

Being a niece of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, she was called to rest on Thursday.

The government departments, commercial organisations and honoured personalities who have their own flags flew them at half-staff.

The mourners gathered at the Palace to join the funeral procession to the Royal Mausoleum.

Among them were Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, the General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, the YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa, the Menteri Besar, the YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd Momin, the British High Commissioner, Mr Arthur Watson, and the State Secretary, the YB Pehin Orang Kaya Lalia Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

The funeral procession was accompanied by the Royal Standard Bearers.

The deceased was the daughter of YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohammad Yusof and YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, and was also the grand-daughter of the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

## Shell's two planes sold out

SERIA. — The Brunei Shell Petroleum Company last week sold its two aeroplanes to the Aviation Services of Chicago in the United States of America.

The two aircraft, the Beechcraft B 99 airliner and the Beechcraft B 90 King Air, left Brunei on Thursday afternoon for good, signalling the end of the company's history of operating the "Fixed Wing" aircraft.

They were operational in the country for 12 years. They flew via Kuala Lumpur and many other stops to reach their final destination, Memphis, USA.

The Brunei Shell purchased these two planes in 1968.

The B 99 had completed 8,600 hours of flying, in support of oilfield operations for Brunei, Sarawak and Sabah Shell companies.

Whereas the B 90 King Air had done more than 5,000 flying hours, chiefly carrying the executives of Brunei and Sarawak Shells on business visits to Singapore and Kuala Lumpur.

Those bidding farewell to the two aircraft at the Anduki Airstrip included the Brunei Shell's Acting Chief Pilot, Mr Mike Thompson.

The company will continue to operate its three helicopters in support of the offshore drillings and production operations in the Brunei waters.

## Brunei Shell donates $3,000

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Shell last week presented its annual cash donation to the Brunei Youth Council.

The three thousand dollar contribution was handed over by a representative of the company, Awang Mohamed Shariff bin Haji Naweh, to the president of the council, Awang Hj Jaya bin Abd Latif, at a brief presentation ceremony, at the Youth Centre here.

Later, Awang Haji Jaya presented a souvenior from the council to the Brunei Shell through Awang Mohamed Shariff.

The ceremony was witnessed by several executive committee members of the council.

# CHEMBURU DAN DAYUS

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

**JARANG orang berchakap mengenai masaalah chemburu dan dayus ini, pada hal kedua2 perkara ini banyak kali tersebut dalam hadith2 dan Al-Kor'an sama ada sa-chara langsong mahu pun tidak langsong, malah banyak sekali tersebut dalam kitab2 feqah khas-nya kitab Az-Zawajir.**

## CHEMBURU SIFAT ORANG BERIMAN

Allah Ta'ala sangat2 bersifat ghairah (chemburu), Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) juga sangat2 bersifat ghairah (chemburu), begitu juga sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum) dan orang2 dahulu (salaf) daripada umat Islam. Sa-benar-nya chemburu ada-lah suatu sifat orang2 yang beriman.

Didekan ala Eropah sekarang, sa-olah2 menghapuskan perasaan chemburu sa-bagaimana yang terdapat dalam Islam, bahkan perasaan atau sifat chemburu itu hampir2 tiada di-kalangan sa-tengah2 keluarga Islam sa-hingga mereka sanggup membiarkan anak2 dan isteri serta kaum kerabat mereka berchampor gaul dengan laki2 yang halal nikah. Boleh dikatakan mereka itu lebeh hampir pada sifat dayus. Maksud dayus itu ia-lah membiarkan sa-chara mudah dan meluas pergaulan bebas akan anak isteri dan kerabat mereka. Hukum orang dayus ini ia-lah berdosa besar dan tiada ia menchium bau shorga.

## DAYUS DAN QIADAH

Jika sifat **dayus** itu ada hubongan-nya dengan kekeluargaan, tetapi sifat **qiadah** lebeh umom lagi iaitu suatu sifat yang membiarkan lelaki dan perempuan berchampor gaul dengan bebas dan membuat perbuatan fasik tanpa mengira sama ada mereka itu dari keluarga-nya atau bukan.

Di-bawah ini saya perturunkan beberapa hadith dalam perkara ghairah (chemburu):

1. Daripada sahabat Abu Hurairah (Radhiallahu 'Anhu), Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wassallam) telah bersabda:

إن الله تعالى يغار، وإن المؤمن يغار، وإن غيرة الله أن يأتي المؤمن ماحرم الله تعالى عليه.

Erti-nya:

*"Bahawa Allah Ta'ala itu bersifat chemburu, dan bahawa orang mu'min itu bersifat chemburu. Bahawa chemburu Allah itu ialah apabila sa-orang mu'min membuat perkara yang di-haramkan Allah Ta'ala kapada-nya."* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Al-Bokhari dan Muslim, juga At-Termizi).

**Siri Ke: 37**

## ALLAH LEBEH CHEMBURU

2. Daripada sahabat Ibni Mas'ud (Radhiallahu 'Anhu) kata-nya, saya mendengar Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) bersabda:

لا احد أغير من الله، من أجل ذلك حرم الفواحش ماظهر منها وما بطن، ولا احد احب إليه المدح من الله، من أجل ذلك مدح نفسه

Erti-nya:

*"Tiada siapa yang lebeh ghairah daripada Allah Ta'ala, dari sebab itu Allah Ta'ala telah mengharamkan segala kejahatan, sama ada kejahatan sa-chara tersembunyi atau kejahatan sa-chara berterang2an, dan tiadalah siapa yang lebeh suka di-puji melainkan Allah jua, kerana itulah Allah Ta'ala memuji zat-Nya."* (Di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Al-Bokhari dan At-Termizi).

3. Daripada sahabat Abi Hurairah (Radhiallahu 'Anhu) bahawa sahabat Sa'ad bin Ubadah (Radhiallahu 'Anhu) bertanya kapada Rasulullah:

*"Ya, Rasulullah, jikalau saya dapati sa-orang lelaki bersama2 ahli rumah saya (isteri saya), maka ada-kah saya tunggu sa-hingga saya bawa empat orang saksi (kerana ia melakukan zina?)"*. Jawab Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam):

*"Ya"*. Sahabat Sa'ad menyahut: *"Tidak, demi Allah yang telah mengutus tuan hamba dengan kebenaran (Tauhid dan Ugama), kira-nya saya dapati perbuatan saperti itu neschaya saya segerakan dia dengan mata pedang sabelum saya membuat saksi2 itu"*. Sabda Rasulullah:

اسمعوا إلى مايقول سيدكم إنه لغيور، وانا اغير منه والله تعالى اغير مني.

Erti-nya:

*"Kamu semua dengarkan apa yang sedang di-katakan oleh Penghulu kamu (sahabat Sa'ad itu ada-lah Ketua golongan Ansar) bahawa dia sangat2 chemburu, dan saya lebeh chemburu daripada-nya, dan Allah Ta'ala lebeh chemburu daripada saya."* (Diriwayatkan oleh Al-Imam2 Muslim, Malik dan Abu Daud).

Demikian-lah hadith2 yang di-riwayatkan oleh Al-Bokhari, Muslim, Muatta', Al-Imam Malik dan lain2 bagaimana Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) menerangkan sifat2 chemburu yang ada pada Allah Ta'ala pada Rasul-Nya pada sahabat Sa'ad, dan pada orang2 Islam mu'min 'am-nya.

## KECHUAIAN ORANG2 ISLAM

Apa yang menyedehkan ia-lah perbuatan dayus yang membawa kapada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, pendedahan aurat, pelachuran dan sa-bagai-nya itu berlaku di-kalangan sa-tengah2 masharakat Islam hari ini. Hal ini menunjokkan sa-tengah2 pemimpin Islam, ibu bapa, guru2 dan pehak2 yang berkenaan serta bertanggong-jawab tidak sanggup untok menahan arus keburokan itu. Mereka sa-olah2 suka melihat keluarga, kaum kerabat, pelajar (bergaul bebas antara lelaki dan perempuan). Dengan demikian, hanyut-lah mereka dalam kekotoran, kesesatan dan maksiat yang bertentangan dengan ajaran2 Islam. Bahkan orang yang jadi dayus itu juga di-kira telah melakukan dosa besar. Di-hari akhirat nanti orang2 ini akan menerima siksa dari Allah Ta'ala. (Begitu-lah menurut Al-Imam Ibnu Hajar).

Begitu-lah dayus yang berpuncha dari ajaran kebendaan yang di-bawa oleh Frued, Marx, Durkheim, Capitalism, Sosialism Barat dan Timor. Tujuan mereka tidak lain, melainkan hendak meruntohkan akhlak manusia terutama umat Islam. Wanita Islam, anak2 Islam dan ibu bapa Islam, harus-lah berjaga2 dari pengaroh burok saperti itu (di-terangkan perkara ini oleh Ustaz Muhammad Qutub dalam buku-nya "Jahiliyah Qarnil 'Ishin").

**Sa-tengah orang Islam memandang rengan perbuatan dayus, pada hal ia ada-lah perkara besar dan berat — lebeh berat dari menjaga harta benda**

Sa-tengah orang Islam memandang rengan perkara ini pada hal ia ada-lah perkara besar dan berat, bahkan memelihara dan menjaga meruah itu ada-lah lebeh berat dan lebeh mustahak dari menjaga harta benda.

## KESIMPULAN

Kesimpulan-nya, sifat chemburu itu ada-lah penting bagi sa-seorang mu'min yang sejati yang tahu akan tanggong-jawab dan kewajipan-nya terhadap keluarga dan rumah tangga-nya. Umpama-nya sa-orang suami chemburu akan isteri-nya dan anak2-nya jangan sampai bergaul bebas sahingga melampaui batas2 yang di-benarkan dalam Islam. Begitu juga si-isteri chemburu terhadap suami-nya jangan sampai melakukan perkara2 haram lagi di-larang oleh Allah. Jika sifat chemburu itu tidak ada maka jadi-lah ia dayus membiarkan kehormatan dan meruah-nya jatoh terpijak, barangkali tempat yang sesuai bagi-nya ia-lah masharakat Eropah, tidak bermeruah, tiada berugama, tiada memikirkan dosa dan pahala dan tiada ingat akan pembalasan atau siksa Allah di-hari akhirat.

*WALLAHU A'ALAM.*

# PENDIRIAN TEGOH DI-ATAS KEIMANAN




SALAH satu daripada rahmat Allah kapada hamba2-nya ia-lah dengan memberi petunjok kapada mereka ka-jalan yang membawa kebaikan dan kebahagiaan dan menjamin mereka mendapat kejayaan dan kemenangan hidup di-dunia dan di-akhirat. Dan salah satu petunjok Allah itu ia-lah perintah-Nya supaya manusia itu sentiasa lurus dengan erti-kata tegoh pendirian-nya terhadap ugama-nya. Firman Allah Ta'ala di-dalam Al-Kor'an yang bermaksud: *"Sa-sunggoh-nya orang2 yang berkata Tuhan kami ia-lah Allah, kemudian mereka itu tegoh pendirian-nya pada berpegang kapada jalan2 yang di-redhai Allah, maka tiada-lah ada rasa takut bagi mereka dan tiada-lah mereka itu berdukachita".*

Dalam ayat tersebut Allah telah berjanji bahawa orang yang benar2 beriman kapada Allah itu lalu dia berpendirian tegoh di-atas keimanan-nya itu dengan sentiasa berpegang tegoh dengan perintah2 Allah, mengerjakan apa2 yang di-suroh dan menjauhi apa2 yang di-larang Allah, tiada-lah mereka itu merasa sa-barang ketakutan dan dukachita di-atas apa2 jua bahaya dan kechelakaan yang menimpa-nya di-dunia dan Allah menjamin yang dia akan mendapat kebahagiaan hidup di-akhirat.

Ini-lah pendirian yang di-kehendaki oleh ugama kita bagi sa-tiap orang Islam bagi menjamin kebaikan dan keselamatan orang perseorangan, masharakat dan negara. Apabila tegoh pendirian sa-seorang kapada ugama-nya neschaya tidak-lah mudah dia terpengaroh dengan gejala2 burok yang merosak. Apabila tegoh pendirian sa-seorang terhadap ugama-nya, tidak-lah mudah bagi-nya gelap mata bila berhadapan dengan kesenangan dunia yang membawa mala petaka kapada diri-nya, masharakat-nya dan negara-nya. Apabila tegoh pendirian sa-seorang terhadap ugama-nya, tidak-lah mudah dia menjadi lemah ka-mana angin bertiup ka-situ dia chondong. Bahkan dia tetap tegak sa-bagai batu karang, betapa pun di-landa gelombang namun dia tegoh bertahan, iman-nya tetap tegoh tidak bergoyang.

Jalan bagi mendapatkan ketegohan pendirian terhadap ugama itu tidak-lah terlalu sukar asalkan sa-seorang itu benar2 ikhlas terhadap Allah. Ia-nya boleh di-chapai dengan jalan membiasakan diri mengingat Allah dalam ia melakukan sa-suatu dengan keyakinan bahawa Allah ada-lah sentiasa melihat dan mengetahui di-atas perbuatan sekalian hamba-Nya, dan dengan keperchayaan bahawa Allah Ta'ala akan memberi ganjaran baik bagi orang yang taat dan memberi balasan azab bagi yang engkar dan lalai. Jika di-biasakan berbuat demikian neschaya mudah-lah bagi sa-seorang mengerjakan apa2 surohan Allah dan menjauhi apa2 larangan-Nya.

Dalam dunia yang serba bergolak sekarang ini di-mana pengaroh2 keduniaan sa-makin kuat dan keimanan kita sentiasa terchabar, amat mustahak-lah kita mengambil sikap tegas terhadap diri kita supaya menambahkan lagi semangat ugama pada diri kita khas-nya pada mempertegoh sikap dan pendirian kita terhadap Allah dan ugama-nya. Dengan jalan sa-demikian mudah-mudahan kita akan sentiasa terhindar dari gejala2 burok yang membawa kita meninggalkan ajaran2 ugama kita. Bertakwa-lah tuan2 kapada Allah dalam sa-tiap suasana dan masa mudah-mudahan dengan ketakwaan itu tuan2 akan sentiasa beroleh rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala.

## Memuchang-muchang membersehkan kubor

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu projek memuchang-muchang bagi membersehkan kawasan tanah perkuboran Orang2 Islam di-Kampong Tamoi Ujong telah di-adakan pada hari Jumaat 6hb Jun yang lalu.

Projek memuchang-muchang itu telah di-ketuai oleh Ketua Kampong tersebut, Awang Mokti bin Salleh.

Sa-telah selesai kerja2 memberseh di-jalankan majlis tahlil juga telah di-adakan. Projek tersebut telah di-sertai oleh lebeh daripada 100 orang pendudok2 kampong dan sekitar-nya.

Sementara itu kira2 60 orang pelajar2 dari Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria telah melancharkan satu kempen membersehkan kawasan peranginan Pantai Lumut.

Kempen yang merupakan projek tahunan bagi sekolah itu telah di-ketuai oleh guru bimbingan dan kerjaya dari sekolah itu, Awang Ahmad bin Hassan.

Di-samping kempen tersebut para pelajar itu juga telah mengadakan achara2 yang berchorak kesukanan ia-itu saperti main bola, sepak takraw, lumba lari dan sebagai-nya.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain menyampaikan hadiah kapada wakil Kumpolan Nashid Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang telah mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Nashid Perengkat Negeri yang telah di-adakan malam Rabu yang lalu.

# Jauhkan sifat perosak

DI-DALAM Al-Kor'an Tuhan ada menunjokkan tentang watak2 dan sifat2 orang yang menjadi perosak masharakat di-mana sifat2 itu wujud ada-lah di-sebabkan kelalaian terhadap diri-nya yang di-suatu masa akan di-matikan oleh Allah, kemudian di-hisab segala apa yang di-lakukan-nya di-dunia ini. Maka di-antara sifat2 perosak itu ada-lah di-terangkan di-dalam surah Al-Baqarah ayat 204-206, yang bermaksud:

*"Dan di-antara manusia ada yang sangat2 menarek hati perkataan-nya tentang kehidupan di-dunia ini dan di-jadikan-nya Allah sa-bagai saksi di-atas apa yang tersembunyi di-dalam hati-nya. Pada hal ini ada-lah sa-jahat2 musoh dan apabila ia-nya pergi berjalan di-atas muka bumi ini lalu ia melakukan pasad dan kerosakkan serta memusnahkan segala tanaman2 dan ternakan dan Allah itu ada-lah tidak suka akan pasad dan kerosakan itu. Dan apabila di-kenakan kapada-nya bertaqwa-lah kapada Allah. Maka timbul kesombongan-nya yang membawa kapada berbuat dosa, chukop-lah bagi-nya api neraka jahanam tempat tinggal yang paling burok."*

Dari maksud ayat tadi dapat-lah di-fahamkan bahawa Allah menerangkan kapada kita ada empat macham watak atau sifat manusia yang sangat2 berbahaya di-mana ke-empat2 sifat ini-lah yang membawa kerosakan kapada kehidupan masharakat ia-itu: —

Pertama: Pandai mempermainkan kata2 sedangkan tujuan-nya ada-lah membawa kerosakan.

Kedua: Memudahkan nama2 Allah untok menunjokkan kebenaran sedangkan dia-lah musoh yang paling jahat.

Ketiga: Apabila berjalan di-atas muka bumi atau ia mempunyai kuasa lalu melakukan dengan sa-wenang2-nya.

Ke-empat: Tidak mahu menerima sa-barang tegoran yang membawa ka-jalan Allah.

Berhubong dengan sifat atau watak pertama ada-lah sering kita bersua manusia yang selalu bermulut manis. Uchapan-nya mempersonakan, kata2-nya mengkagumkan hingga menyebabkan orang yang mendengar-nya terpesona dan tertarik serta tidak menyangka burok terhadap orang yang berchakap itu. Akan tetapi pada hakikat-nya ada-lah ibarat kata lain di-bibir lain di-hati.

Maka orang yang saperti itu ada-lah di-katakan juga sa-bagai munafik, di-mana perchakapan-nya ada-lah tidak sama dengan apa yang di-buat-nya dan di-laksanakan-nya. Maka sifat yang demikian itu ada-lah sangat2 merbahaya, lebeh merbahaya dari musoh yang jelas dan nyata, kerana kalau musoh yang nyata sudah tentu orang yang akan sentiasa berwaspada menghadapi-nya.

Manakala sifat kedua ia-lah dengan menggunakan nama Allah atau dengan erti kata lain ia-lah menggunakan ugama sa-bagai lisan bagi menegakkan kebenaran-nya, supaya dengan itu orang akan memperchayai akan sa-tiap perkataan-nya dan perbuatan-nya, sa-benar-nya orang yang selalu merasa perlu membawa nama Tuhan atau ugama untok memperbuat sa-suatu keterangan yang di-berikan-nya sedangkan pada hakikat-nya dia sudah mengetahui bahawa keterangan-nya itu bertentangan dan tidak boleh di-perchayai ada-lah merupakan salah satu chiri orang yang tidak ada keperchayaan terhadap diri-nya sendiri.

Orang yang selalu mempermudahkan nama Allah bagi kepentingan sa-suatu ada-lah suatu penipuan terhadap diri-nya sendiri sa-bagaimana yang di-terangkan di-dalam Al-Kor'an di-dalam surah Al-Baqarah ayat 9, yang bermaksud: *"Mereka yang menipu Allah dan orang yang beriman tidak-lah mereka itu sa-benar-nya menipu melainkan terhadap diri mereka sendiri dan mereka itu ada-lah tidak menyedari-nya".*

**Bingkisan minggu ini**

Adapun sifat yang ketiga ada-lah merupakan ekoran terhadap sifat yang pertama dan yang kedua, di-mana di-sebabkan telah wujud-nya dua sifat di-atas tadi pada diri sa-seorang itu, maka ia tidak segan2 lagi melakukan kerosakan dan kemusnahan di-atas muka bumi Allah ini.

Ia-nya sudah tidak merasa takut untok berbuat demikian, baik dari segi moral atau pun material yakni harta benda, orang yang saperti ini ada-lah orang yang telah melupakan Allah hingga ia-nya menganggap diri-nya sahaja yang berkuasa dan melakukan apa yang ia suka dan mahu lakukan-nya, tanpa menghiraukan kepentingan dan kesejahteraan orang lain.

Maka akibat dari sifat yang ketiga itu-lah lahir-nya sifat yang ke-empat saperti mana yang di-nyatakan di-dalam ayat tadi, ia-itu sifat yang tidak lagi mahu menghiraukan atau mengambil indah, malah menganggap-nya sa-bagai perkara yang mudah dan tidak memberikan apa kesan terhadap diri-nya, ia-itu bila mana ia-nya chuba di-tegor, di-nasehati atau di-keritik di-atas kesalahan2 dan kerosakan yang di-lakukan-nya apa-tah lagi kalau di-seru kembali ka-jalan kebenaran dan bertaqwa kapada Allah langsong tidak mendatangkan apa2 kesan kapada diri-nya dan perbuatan-nya, malah ia-nya bertambah sombong dan bongkak saperti orang yang lupa daratan.

Orang yang demikian biasa-nya tidak pernah melihat kesalahan diri-nya sendiri, malah sentiasa menganggap diri-nya dan perbuatan-nya ada-lah betul dan benar dan apa orang lain buat ada-lah salah.

Kita sa-bagai umat yang di-amanahkan oleh Allah di-atas muka bumi supaya sentiasa mengwujudkan kesejahteraan, kebahagiaan dan keamanan di-kalangan masharakat kita dan umat manusia seluroh-nya hendak-lah menjauhkan diri dari ke-empat2 sifat atau watak yang menjadi perosak masharakat itu, kerana dengan ada-nya salah satu dari sifat itu tadi pada diri sa-seorang sudah tentu tidak akan wujud kesejahteraan, keamanan dan keharmonian di-kalangan masharakat kita dan umat manusia seluroh-nya.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18hb Jun, 1980 hingga ka-hari Selasa 24hb Jun, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 19hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 20hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 21hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 22hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 23hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 24hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.





# KEGIATAN2 BATTALION KEDUA AMDB

GAMBAR atas kelihatan Pegawai Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Brigadier E. D. Cameron ketika meninjau katempat perlawanan sementara gambar atas kanan menunjokkan Pegawai Pemerentah Batallion Kedua, Lt. Kol. A.C.H. Bennett sedang menyampaikan hadiah kapada Ketua Pasokan Platoon 'E' Kompeni Lt. Johar.

TUTONG. — Perlawanan antara Platoon bagi pasokan Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei Perkhemahan Tutong telah di-adakan dari 19hb hingga 23hb Mei yang lalu bertempat di-sini.

Sa-banyak tujoh buah kompeni yang mengandongi lebeh daripada 200 orang anggota perajurit tersebut telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Tempat pertama di-perlawanan itu telah di-menangi oleh No. 20 PI G Kompeni, kedua jatoh kapada No. 51 PI E Kompeni dan tempat ketiga di-menangi oleh No. 18 PI F Kompeni.

Tujuan di-adakan perlawanan itu ia-lah untok persiapan pasokan ini bagi mengambil bahagian dalam perlawanan antara Platoon Pasokan AMDB yang akan di-adakan pada awal bulan Julai depan tahun ini.

Sementara itu perlawanan Squash perengkat akhir bagi kompeni Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei telah di-langsongkan di-Gelanggang Squash Battalion tersebut pada hari Jumaat 30hb Mei lalu.

Di-kejohanan perengkat akhir itu, Lance Kopral Hashim telah munchol sabagai johan perseorangan sa-telah berjaya menewaskan Lance Kopral Selamat dengan tiga perlawanan tidak berbalas.

Sa-ramai 30 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut yang mana ia-nya dipertandingkan ada-lah bagi memileh wakil Battalion Kedua ka-pertandingan perengkat terbuka antara Pasokan2 Askar Melayu Diraja Brunei yang di-jangka akan di-adakan dalam bulan depan.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Pemerentah Battalion Kedua, Leftenan Kolonel ACH Bennett.

Kedua2 kejohanan dan perlawanan itu ada-lah merupakan kegiatan tahunan bagi Pasokan tersebut.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang didapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut dibawah ini bermula bagi minggu 10hb Jun 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut : —
   Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.
2. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24 KATI (Singapore) — $28.00 sa-tin boleh de-beli dari kedai berikut: —
   Chop Aik Thye,
   No. 25, Jalan Sultan.
3. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Liong Yu Co.,
   No. 58, Jalan Sultan,
4. KACHANG KUDA — $1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94 Jalan Chevalier.
5. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94 Jalan Chevalier.

**SERIA**

1. LADA KERING — $3.30 sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut : —
   Siong Huat,
   No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
2. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24 KATI (Singapore) — $29.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Siong Huat,
   No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
3. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   c) Soon Kheng,
   No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
   d) Haji C. A. Mohammad,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
4. KACHANG KUDA — $1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Haji C. A. Mohammad,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
5. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Kun Mee,
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.

# Lawatan sambil belajar

GADONG. — Sa-ramai lapan orang Pegawai Pelajaran dan 26 orang penuntut2 tahun 3, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Jalan Gadong, akan mengadakan lawatan sambil belajar ka-Kota Kinabalu salama tiga hari.

Mereka akan bertolak ka-Kota Kinabalu pagi esok, 19hb Jun, 1980.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Awang Abdul Ghani bin Bujang.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 18hb hingga 24hb Jun 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 18.6.1980 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 18.6.1980 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 18.6.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 21.6.1980 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 21.6.1980 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 21.6.1980 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 23.6.1980 | Isnin | 2.00 –3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 23.6.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 24.6.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 24.6.1980 | Selasa | 10.30–11.30 „ |



Dayang Haminah



Dayang Suani



Dayang Masni

TIGA orang Kerani Tingkatan III dari Jabatan Perkhidmatan Pos kini berada di-Singapura untok mengikuti kursus Asas Kerani. Mereka ia-lah Dayang Haminah bte Shahbudin, Dayang Suani bte Chuchu dan Dayang Masni bte Haji Latip.

Ketiga orang Kerani itu mengikuti kursus tersebut di-Pejabat Pesar Pos Singapura sa-lama kira2 sa-bulan.







CACTUS Clem memberikan perhatian dalam pertandingan tatkala Wendy (kiri) dan Rita memandu kapal angkasa mereka dalam satu perlumbaan yang berani melintasi dunia dalam siri animasi sa-tengah jam bertajok "Yogi's Space Race" yang di-tayangkan tiap2 hari Ahad, jam 6.05 petang (paling atas); Sharon Tate dan Dean Martin dalam tayangan gambar bertajok "The Wrecking Crew" pada hari Selasa jam 9.15 malam (atas kiri) dan David Doyle sa-bagai John Bosley dalam Charlie's Angels yang di-tayangkan pada tiap2 hari Isnin jam 7.15 malam.

# "The Wrecking Crew"—tayangan gambar hari Selasa

TAYANGAN gambar hari Selasa ini bertajok "The Wrecking Crew" yang di-bintangi oleh Dean Martin, Elke Sommer dan Nancy Kwan.

Filem ini mengesahkan Matt Helm (Dean Martin), terkenal kerana kehandalan-nya dengan para wanita begitu juga dengan tugas2 pengintipan-nya, telah memutuskan untok menamatkan tugas-nya dengan ICE, pertubohan rahsia yang memberi-nya tugas untok membenteras pengintip2 dan lain2 musoh awam.

Tetapi berbillion2 dollar emas telah di-rampas di-Denmark. Jadi-nya McDonald, ketua ICE memujok Matt untok meninggalkan apartment-nya yang mewah dan menolong-nya. Bertentangan dengan kehendak-nya Matt terchebor dalam lingkaran komplot dan koprasi yang begitu meyulitkan berhadapan dengan senjata2 yang paling sulit dan gadis2 jelita dari ajen2 musoh.

Dua orang musoh-nya yang paling sukar di-hadapi ada-lah si-jelita Linka (Elke Sommer) dan Yu Rang (Nancy Kwan) yang penoh misteri, pembunoh exotik dan ketua kumpolan penjenayah Oriental. Kedua2 mereka bekerja untok Count Massimo, ketua kumpolan penyeludupan antarabangsa.

Hanya Freya (Sharon Tate) nampak-nya menyebelahi pehak Matt. Tetapi ada-kah demikian sebenar-nya ? Ada-kah Matt berjaya mengechewakan gadis2 itu? Kesudahan cherita merupakan rahsia besar.

PENYANYI Superstar dari Singapura, Anita Sarawak telah mengadakan dua pertunjokan amal awal bulan ini untok mengutip derma untok Tabong Kebangsaan Brunei.

Sa-masa berada di-sini beliau juga sempat di-undang untok menjayakan ranchangan radio "Tetamu Minggu Ini" yang telah di-siarkan melalui Radio Brunei dua minggu yang lalu.

Gambar kanan kelihatan Anita Sarawak di-temuramah oleh Awang Zaini Md Yusof.

Ranchangan Tetamu Minggu Ini di-siarkan pada tiap2 hari Selasa jam 1.00 petang.





RANCHANGAN Siswazah Brunei minggu ini akan mengundang sa-orang lagi siswazah yang lulus dalam bidang pertanian. Beliau ia-lah Awang Danial bin Haji Hanafiah (gambar kiri).

Awang Danial yang lulus dari University of Reading dengan mendapat ijazah Sarjana Muda dalam tahun 1970, sekarang menjawat jawatan sa-bagai Timbalan Pengarah Pertanian.

Temuramah dengan beliau akan dapat awda ikuti dalam ranchangan ini pada hari Ahad 22hb Jun jam 9.30 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.30 malam.



PENUNTUT2 Sekolah Inggeris Berakas membuat rakaman unto ranchangan Dari Sekolah Ka-Sekolah. Ranchangan ini telah pu di-siarkan pada 7hb Jun yang lalu.

Ranchangan Dari Sekolah Ka-Sekolah terbuka kapada seko lah2 di-negeri ini dan sekolah2 yang ingin menyertai ranchanga ini sila berhubong dengan penerbit-nya melalui talipon 23410 ata menulis dengan di-alamatkan Penerbit Ranchangan Dari Sekola Ka-Sekolah Jabatan Radio Talivishen Brunei.

## Dokumentari:

## THE NUTS AND BOLTS OF THE ECONOMY: MADE IN KOREA

**— Esok — Khamis 19hb Jun 1980 jam 9.30 malam**

KOREA ada-lah salah sa-buah negeri di-Timor Jauh yang chepat berkembang ekonomi-nya, ia-nya mengeluarkan besi, kereta dan jam2 digital, komputer2 dan pisau serta garpu, talivishen2 berwarna dan kereta2 — kesemua-nya untok di-ekspot. Kereta 'Pony' mereka di-jual di-Amerika Sharikat, pisau, garpu dan kasut di-Eropah.

Mike Scott, penyampai ranchangan ini, menemu-ramah menteri2 kerajaan, penguasaan dan pekerja2, dan filem2 di-kilang2 di-Seoul dan Pusan di-mana wanita2 dan gadis2 bekerja dari 8.00 pagi hingga 7.00 malam, enam hari penoh d lam sa-minggu.

'Dari pandangan kami me ka telah di-peralatkan,' ka nya. Tetapi, ia menamb pekerja2 Korea mempunyai mangat yang kuat sambil n reka berusaha untok mench ta kemewahan negara.

Ranchangan ini mempers kan bagaimana pekerja2 B tish patut bertindak terhad dilemma kesan yang di-b kan oleh Korea terhadap pa ran dunia. Ada-kah pehak satuan perdagangan berhak u tok melindongi pekerjaan-n dengan menuntut kawal impot yang tidak memerluk barang2 keluaran Korea. At ada-kah terdapat keadilan sial yang mengatakan neg yang mundor hendak-lah berikan peluang di-dunia, d bahawa sekatan2 perdagang di-Britain bererti kebuloran gi berjuta2 orang di-Asia ?

**intisari RTB minggu ini**



RANCHANGAN Bimbingan Al-Kor'an ada-lah sa-buah ranchangan baru yang di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Ranchangan yang ka-udara pada tiap2 hari Khamis jam 7.30 malam itu di-kendalikan oleh Awang Haji Damit bin Haji Kawang. Gambar atas kelihatan sa-masa rakaman ranchangan tersebut yang di-buat di-Studio 'B'.



## Nama2 penderma untok anak2 yatim

A2 Penderma Permintaan Anak2 Yatim di-siarkan oleh Bahagian Melayu Radio i, siaran pada 8hb Jun 1980.

| | Nama | Derma |
|---|---|---|
| 1. | Haripon | $5.00 |
| 2. | Sharifah Ratna | $5.00 |
| 3. | Norleha Awang Besar | $5.00 |
| 4. | Ramlah Idris | $5.00 |
| 5. | Hasnah Haji Sulong | $5.00 |
| 6. | Sarjan Major Pg Haji Ahmad Pg Sulaiman | $5.00 |
| 7. | PC Ak Mohamad Norshah Pg Muhammad | $5.00 |
| 8. | Rasiah P. R. Othman | $5.00 |
| 9. | Musa Idris | $5.00 |
| 10. | Rahiman Hasan | $5.00 |
| 11. | Salmiah Haji Ahad | $3.00 |
| 12. | Atikah Haji Ibrahim | $2.00 |
| 13. | Rosina Undil | $2.00 |
| 14. | 3777 Undil Asik | $2.00 |
| 15. | Noraslina Abu Bakar | $2.00 |
| 16. | Aisah Momin | $2.00 |
| 17. | Siti Kamaliati Haji Abdul Latif | $2.00 |
| 18. | Ak Zainal Pg Haji Tuah | $2.00 |
| 19. | Arman Md Noor | $2.00 |
| 20. | Ramnio Impian | $2.00 |
| 21. | Dharrony Usman | $2.00 |
| 22. | Zulaizan Abdullah | $1.00 |
| 23. | Bakar Mohammad | $1.00 |
| 24. | Noraizan Mohammad | $1.00 |
| 25. | Jahry Haji Mohd Yusof | $1.00 |
| 26. | Damit Saban | $1.00 |

Nama2 penderma berikut-nya, akan di-tkan lagi di-keluaran Pelita Brunei akan ang.

# RANCHANGAN TVP DARI 23HB HINGGA 28HB JUN

### ISNIN — 23HB JUN

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 3'
Ranchangan ini ada-lah sambongan pelajaran Magnet 1 dan Magnet 2.
Dalam pelajaran ini murid-murid akan belajar mengenai
a) Bentok-bentok magnet
b) Sejarah hidup Oersted
c) Penemuan Oersted
d) Letro magnet
Dalam pelajaran ini murid-murid akan belajar chara-chara membuat letro magnet ia-itu bentok magnet yang di-hasilkan oleh arus letrik.




10.30 KAP KAP UDANG 111
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, KATA SI-MANIS, PAK LONG, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Chegu Sa'diah dan kanak2 akan NAIK KUDA ka-Balai Bomba. Mereka akan berlakon menjadi ahli bomba.
LIHAT DAN PERHATI menunjokkan pada kanak2 benda2 yang mereka lihat di-Balai Bomba.
Di-SIRI PERMULAAN, Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok 'Api'.
Akhir sekali Chegu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 melalui CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 111

### SELASA — 24HB JUN

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 3'

10.30 KAP KAP UDANG 112
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, BERMAIN BAKUL, SI-MANIS, AMIN, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut KERJA TANGAN, Chegu Sa'diah akan menunjokkan chara membuat lilin dari kertas.
Minggu ini SI-MANIS berpesan supaya kanak2 bermain dengan barang2 yang selamat. Jangan bermain dengan barang2 yang boleh mendatangkan bahaya.
Chegu Sa'diah akan menunjokkan pada kanak2 huruf "J" dan mengajar mereka benda2 yang bermula dengan huruf itu.
Akhir sekali, Chegu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 melalui CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 112.

### RABU — 25HB JUN

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 3'

10.30 KAP KAP UDANG 113
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMINAH, BELON SI-MANIS, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.
Kanak2 akan menunjokkan barang2 yang telah mereka bawa di-sudut TUNJOK BENDA.
Mengakhiri ranchangan Chegu Sa'diah menyebut nama kanak2 di-CHERMIN SAKTI-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 113.

### KHAMIS — 26HB JUN

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 3'

10.30 KAP KAP UDANG 114.
Kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENAM, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan sa-orang nelayan yang minta sebat 30 kali sa-bagai hadiah-nya kerana ia membawa sa-ekor ikan besar untok Raja.
Chegu Sa'diah mengakhiri ranchangan dengan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 114.

### SABTU — 28HB JUN

10.30 KAP KAP UDANG 115.
Ranchangan kali ini di-muati dengan BERMAIN KERUSI, BANG, KETUA KESELAMATAN, AMIN, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
KETUA KESELAMATAN mengajar kanak2 supaya jangan bermain dengan seterika serta bahaya2 yang berkaitan dengan-nya.
HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan mencheritakan kanak2 berkenaan dengan sa-ekor monyet 'Chatter' yang mempunyai ekor yang sangat panjang.
Saperti biasa CHERMIN SAKTI mengakhiri ranchangan ini.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 115.





# BELAJAR DALAM PASOKAN ASKAR MUDA ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

KIRA-NYA awang sa-orang pelajar lelaki yang mendudoki Pepereksaan BJCE 1980 dan awang yakin berjaya dalam pepereksaan itu, masok-lah belajar di-Chawangan Askar Muda, Askar Melayu Diraja Brunei. Chawangan ini di-gabongkan dengan pendidekan akademik dan teknikal dengan latehan tentera untok melateh awang buat menempohi chabaran hidup yang sentiasa berubah chepat. Awang memasoki sekolah untok satu tempoh 2½-3 tahun sa-lepas itu awang akan berkhidmat dengan Pasokan AMDB pada satu tempoh 5 tahun, dalam pengajian yang telah di-latehkan kapada awang. Pada akhir perkhidmatan 5 tahun awang boleh memileh samada berhenti daripada perkhidmatan atau menyambong kerjaya dalam Pasokan AMDB. Di-Chawangan Askar Muda awang berpeluang melanjutkan pelajaran akademik hingga ka-perengkat 'O'. Kiranya berjaya dalam pepereksaan 'O' level awang mungkin di-pileh menjadi pegawai dalam Pasokan AMDB atau di-beri peluang belajar di-institusi pelajaran tinggi dengan biasiswa AMDB. Apa pun pilehan awang, awang akan menerima satu pengalaman yang berguna yang boleh membantu awang untok menempohi chabaran yang akan datang.

Pelajaran akademik dan latehan tentera ada-lah di-beri saperti berikut :

a) Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Fizik, Ugama Islam, Pelajaran Alam Sekeliling, akan di-ajar sahingga ka-perengkat 'O'.

b) Latehan Vokeshenal akan di-jalankan dalam : Pertukangan Kayu, Pertukangan Besi, Pemeliharaan Kenderaan, Radio, bagi melayakan untok latehan lanjutan.

c) Menjalani latehan ketenteraan sahingga ka-perengkat soldadu terlateh untok menanamkan disiplin diri, keperchayaan diri sendiri, kebolehan membuat kerja2 dan akhir sekali untok memimpin.

d) Chawangan Askar Muda juga menyediakan lain2 kemudahan saperti permainan dan sokan, lawatan2 serta latehan pengembaraan.

e) Kegemaran2, sa-bahagian besar di-sediakan.

Chawangan Askar Muda menyediakan kemudahan alat2 dan kewangan untok pelajar2 saperti berikut :

a) Tempat tinggal dan makan perchuma sa-panjang masa pengajian.

b) Buku2 teks dan buku tulis perchuma.

c) Pakaian dan dhobi perchuma.

d) Yuran2 pepereksaan ada-lah di-bayar.

e) Wang saku sa-banyak $50-$60 sabulan. Elaun tambahan akan di-bayar kapada sa-siapa yang telah di-naikkan pangkat. Apabila meningkat umor 17½ tahun akan menerima gaji orang dewasa $433.

f) Kenderaan untok balek ka-kampong perchuma masa chuti.

Berikut ada-lah sharat2 masok :

a) Keputusan pepereksaan BJCE yang baik. Pemilehan pemohon ada-lah berdasarkan pada keputusan pepereksaan perchubaan yang di-sahkan oleh guru besar dan pemilehan akhir ada-lah bergantong kapada sokongan2 Lembaga Pemileh. Chalun2 yang terpileh di-jangka memasoki Chawangan Askar Muda, Pasokan AMDB dalam bulan Januari 1981.

b) Chalun2 hendak-lah sa-orang raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

c) Chalun2 hendak-lah berumor di-antara 15-16 tahun pada 1hb Januari, 1981.

d) Chalun2 hendak-lah sehat tuboh badan dan chenderong dalam sokan dan permainan dan telah mewakili sekurang2-nya dalam mana2 satu permainan di-perengkat sekolah atau daerah.

e) Mempunyai kebenaran ibubapa atau penjaga.

f) Dan boleh meyakinkan Lembaga Pemilehan tentang kecherdasan, kebolehan dan sifat2 kepimpinan awang.

g) Pemohon2 yang chenderong boleh-lah menulis terus kapada alamat berikut untok mendapat maklumat lanjut atau hantar sahaja borang di-bawah ini kapada alamat berikut :

**Pegawai Pengambilan Pasokan**
**Pusat Latehan, AMDB**
**Perkhemahan Bolkiah**
**Brunei.**

**Talipon : 30531 Samb 01/02.**

**TARIKH TUTOP PADA 10HB JULAI, 1980**



—Potong di-sini—

## PASOKAN ASKAR MUDA ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

Nama : ..........................................

No. Kad Pengenalan dan Warna : ..........................

Tarikh lahir/No. surat beranak : ..........................

Nama Sekolah : ..........................................

Tingkatan Persekolahan 1980 : ..........................

Nama Bapa/Penjaga : ..........................................

No. Kad Pengenalan dan Warna (Bapa/Penjaga) : ..........

Alamat Rumah : ..........................................

..........................................

..........................................

No. Talipon : ..........................

Tanda Tangan :

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENYELENGGARA SETOR TINGKAT KHAS

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat Khas di-Jabatan Setor2 dan Perbekalan Negara, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor tidak lebeh dari 50 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran aliran Inggeris atau sebanding dengan-nya. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat I. Pengalaman dalam salah satu perkara2 berikut di-bawah ini ada-lah satu kelebehan : —

a) **Kawalan Setok bagi Setor2 Ta' Beruntok : —**
   i) Berpengalaman dalam mengawal had-rendah dan had-tinggi tiap2 jenis barang2 simpanan bagi menentukan barang2 tambahan semula simpanan;
   ii) Mengetahui Perukoran2 Perkilangan (Standards or Manufactures) dan katalogs;
   iii) Berkebolehan menyediakan Penyata Bulanan tuntutan2 yang di-bayar menerusi2 bauchar2 pembetulan;
   iv) Berkebolehan menyediakan Perkiraan Setok Akhir Tahun.

b) **Indent :**
   i) Berpengalaman dalam menyediakan dan mengeluarkan indent2 bagi pembelian2 dalam dan luar negeri (termasok Crown Agents Indent);
   ii) Berkebolehan menyediakan surat menyurat yang mudah dan tuntutan2;
   iii) Mengetahui hal2 Insuran dan perkapalan.

c) **Kawalan Setor Perbekalan:**
   i) Perpengalaman dalam mengawal barang2 simpanan saperti beras, gula, susu dan lain2 barang2 makanan;
   ii) Mengetahui jenis2 dan chara2 menggunakan ubat2 pembunoh serangga bagi pemeliharaan barang2 makanan tersebut.
   iii) Berpengalaman dalam pengawalan buroh2 dan pengangkutan;
   iv) Berkebolehan dalam menyediakan Penyata Jualan2 Harian dan Penyata Bulanan tuntutan2 yang di-bayar menerusi bauchar2 pembetulan.
   v) Berkebolehan menyediakan Perkiraan Setok Akhir Tahun.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1071-1109-1148-1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Julai, 1980.

(E/996/75)
(Bil : 68/1980)

## HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 8th July 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN".
4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of International Project Consultants, Architects and Engineers, Room 41, Britannia House, Bandar Seri Begawan from 29th May 1980 during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be $10,000.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.
6. Prior to the issue of tender documents each tenderer will be required to : —
   (1) Produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class "A" contractor;
   (2) produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of Financial Guarantee;
   (3) produce a letter from his Brunei Bank (said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted said bank will furnish him with a banker's guarantee) in accordance with the Conditions of Contract.
7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**RETENDER FOR ELECTRICAL AND MECHANICAL ANCILLARY BUILDING — AIRWING, BERAKAS CAMP, BRUNEI**

REGISTERED Class 'B' and above Contractors with the Brunei Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical and Mechanical services to Proposed Ancillary Building — Airwing, Berakas Camp, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 12th June, 1980 on wards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 1st July, 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR RETENDERING OF ELECTRICAL AND MECHANICAL INSTALLATION TO PROPOSED ANCILLARY BUILDING — AIRWING, BERAKAS CAMP, BRUNEI.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Pemungut di-Jab. Muzium

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi Jawatan2 sa-bagai Pemungut di-Jabatan Muzium, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya dalam aliran Inggeris. Mempunyai sedikit pengetahuan tentang daerah2 pendalaman dan pandai sedikit bertutor dalam bahasa puak2 di-daerah pendalaman.
b) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun.
c) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan pelajaran yang di-kehendaki tetapi telah berkhidmat di-Pejabat Muzium Brunei sekurang2-nya 3 tahun sama ada dalam perkhidmatan bergaji bulan atau hari serta mempunyai pengalaman bekerja ka-hutan2 di-daerah pendalaman mengikuti pegawai2 dalam menjalankan kerja2 sama ada penggalian, kaji purba, dan lain2 yang ada hubongan-nya dengan jawatan ini akan juga di-pertimbangkan. Keutamaan akan di-beri dari segi kemahiran dan tahu memasang jerat dan melaksanakan penggalian2 penyelidekan tapak2 purba.

**Tugas2 :**

Bekerja di-bawah perentah Ketua2 Bahagian Jabatan Muzium Brunei dan bersedia untok bertugas ka-daerah2 pendalaman untok menjalankan kerja penyelidekan dan sa-bagai-nya.

**Sukatan gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Jun, 1980.

(E/870/71)
(Bil : 59/1980)

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer Ground Floor Secretariat, Bandar Seri Begawan up to noon on Tuesday 1st July 1980 for the supply of the following vehicles to Jerudong Park.

1 x 3 TON PICK UP
1 x MECHANICAL SHOVAL JCB MODEL 30
1 x ½ TON ROAD DUMPER — SMALL
1 x 12 Seater Mini Bus.

Tenders received after this date will be rejected.

Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked as follows :

"THE SUPPLY OF VEHICLES TO JERUDONG PARK".

The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

## JABATAN TALIKOM PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei pada 21hb Jun, 1980 jam 12 tengah hari untok : —

"PENANAMAN 4" O PVC KEBEL PAIP DAN MEMBUAT PETI2 LOBANG DI-JALAN DATO AHMAD, BATU 4 PERPINDAHAN BERAKAS".

Dokumen2 tawaran dan butir2 lanjut boleh di-dapati dari Pejabat Pengarah Talikom, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan dengan wang tarohan sa-banyak $50.00.

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei pada 21hb Jun, 1980 jam 12 tengah hari untok : —

"PENANAMAN 4" O PVC KEBEL PAIP DAN MEMBUAT PETI2 LOBANG DI-PUSAT MEMBELI BELAH PANGGONG SERI BATU 1, JALAN TUTONG."

Dokumen2 tawaran dan butir2 lanjut boleh di-dapati dari Pejabat Pengarah Talikom, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan dengan wang tarohan sa-banyak $50.00.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICES

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei up to 12 noon Saturday, 21st June, 1980 for : —

"LAYING OF 4" O PVC CABLE DUCT AND BUILDING OF MANHOLES AT JALAN DATO AHMAD, MILE 4 PERPINDAHAN BERAKAS".

Tenders documents and all particulars may be obtained from the office of Director of Telecommunications at Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan on payment of $50.00 deposit.

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei up to 12 noon Saturday, 21st June, 1980 for : —

"LAYING OF 4" O PVC CABLE DUCT AND BUILDING OF MANHOLES AT SERI THEATRE SIDE SHOPPING COMPLEX MILE 1, JALAN TUTONG".

Tenders documents and all particulars may be obtained from the office of Director of Telecommunications at Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan on payment of $50.00 deposit.

## TENDER NOTICE

**RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT FLOTILLA BASE, MUARA**

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractor with the Brunei Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services to the Proposed Gymnasium and Swimming Pool at Royal Brunei Malay Regiment, Flotilla Base, Muara.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 12th June, 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Buliding, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 1st July, 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR RETENDERING OF ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT, FLOTILLA BASE, MUARA.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board, at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'AX' Contractors and above or specialists up to 12.00 noon on Monday, 30th June 1980 for the supply, construction and completion of : —
   CANTEEN SPACE FRAME FOR SEKOLAH MENENGAH AT SUNGAI KEBUN
2. Tender Documents including Bills of Quantities can be examined at and obtained during normal office hours from the office of : —
   **Contract Services Consultants**
   **Room 32-33, 4th Floor**
   **Hongkong Bank Chambers,**
   **Jalan Chevalier/Sultan**
   **Bandar Seri Begawan**
   **Brunei**
3. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenderers are required to : —
   3.1 produce evidence of their P.W.D. registration status
   3.2 show documentary evidence of having complied with the Government requirement of Financial Guarantee.
4. The Tender Deposit required is B$500.00 which is in the form of a cheque shall be made payable to Contract Services Consultants. This deposit is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition to the office of Contract Services Consultants.
5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-typed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelopes.
6. Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KURSUS DI-PUSAT LATEHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN, BRUNEI

PEMOHON2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti kursus yang tersebut di-bawah di-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka yang mempunyai kelayakan dan sharat2 di-bawah ini akan di-pertimbangkan :

**PELATEH SENI UKIR — LELAKI**

**Kelayakan2**

(i) Berkelulusan sekurang2-nya Tingkatan III Melayu/Inggeris atau sebanding dengan-nya, atau pernah menuntut di-Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara.
(ii) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang lulus dalam mata2 pelajaran Ilmu Hisab, Lukisan dan berkebolehan membuat ukiran2 daripada kayu dan bahan2 yang lain.
(iii) Sa-orang pemohon yang tidak memenohi sharat (i) dan (ii) boleh-lah di-pertimbangkan.

**Sharat2**

(a) Hendak-lah terdiri daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.
(b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang berumor di-antara 17 hingga 30 tahun dan maseh bujang.
(c) Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu duga.
(e) Satu perjanjian akan di-kenakan kapada sa-tiap pemohon yang berjaya dalam mengikuti kursus ini.
(f) Pemohon2 akan di-kehendaki mengikuti latehan sa-hingga mendapat kemahiran dalam tempoh waktu lebeh kurang dua (2) tahun.
(g) Apabila mendapat kemahiran pelateh2 akan di-kehendakki menjadikan pertukangan ini sa-bagai salah satu mata pencharian mereka.

**Alaon dan Lain2 Kemudahan**

(a) Sa-masa dalam latehan pemohon2 yang berjaya akan di-beri alaon sa-banyak $240.00 sa-bulan serta 10 peratus net profit daripada harga hasil2 mereka yang di-beli oleh Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan.
(b) Tempat tinggal, kenderaan dan lain2 lagi tidak di-sediakan kapada pemohon2 yang berjaya.

**Borang Pemohonan**

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Muzium, Kota Batu, Brunei pada bila2 masa waktu Pejabat di-buka dan hendak-lah di-kembalikan dan sampai kapada Pengarah Muzium2, Brunei selewat2-nya pada 26hb Jun, 1980.

# PERISTEWA ISRA' DAN ME'RAJ

Dari muka 1

ia-lah nashid yang mempunyai nada, irama, gaya serta kemerduan suara yang pada asal-nya untok menuju ka-arah penghayatan untok bertakwa.

Ini, jelas-nya lagi, terbokti dalam sejarah dimana sahabat Rasulullah Bilal bin Rabaah yang mempunyai suara yang merdu serta irama yang mengetarkan jiwa ketika beliau mengalunkan azan telah membuat sa-tiap orang yang mendengar pada masa itu bergegas-gegas menuju ka-masjid untok menunaikan sembahyang berjemaah.

Kata-nya, peristewa Isra' dan Me'raj yang kita peringati pada tiap2 tahun sangat berhubong rapat dengan azan, sangat rapat hubongan-nya dengan suara merdu irama yang menawan, nada yang mengetarkan dan gaya yang menarek lebeh2 lagi ketika azan sembahyang di-alunkan diudara.

"Saya perchaya kita ada-lah orang2 yang ingin mendukong Ugama Islam yang maha suchi dan kita ada-lah ingin bersatu-padu untok menegakkan Islam khas-nya dalam mempertahankan dan memelihara tiang Ugama kita", tegas Yang Berhormat Pehin Pengetua.

Terdahulu dalam uchapan-nya, Yang Berhormat menjelaskan bahawa pertandingan nashid yang diadakan pada malam itu ada-lah di-hasratkan untok membantu gerakkan2 dakwah yang sehat saperti yang sedang berjalan di-Brunei sekarang ini.

Yang Berhormat Pehin Pengetua menambahkata, pertandingan nashid di-anggap sa-bagai satu perkara yang boleh menyalorkan dan menarek minat muda mudi khas-nya yang chondrong dan minat dalam bidang seni suara.

Yang mana tambah Yang Berhormat lagi, sifat2 sasebuah nashid dapat menolong nilai dakwah menuju ka-arah tekun beribadat, bertakwa, bersatu-padu, membentok peribadi yang mulia, memerangi kemungkaran dan maksiat serta lain2 lagi.

## Keputusan Pertandingan Nashid

BANDAR SERI BEGAWAN. —Kumpolan Nashid Badan Kebajikan dan Sokan Jabatan Kerja Raya (BENARA) telah berjaya menjadi juara nashid perengkat sa-negeri yang telah di-adakan sempena Sambutan Isra' dan Me'raj yang di-langsongkan di-Dewan Raya RTB di-sini dan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio dan TV pada malam Rabu yang baru lalu.

Kumpolan Nashid Pasokan BENARA telah mengalahkan empat pasokan yang lain dengan mendapat markah 76.34 peratus dan nashid yang dibawakan oleh mereka ia-lah Nabi Mohammad Pembela Keadilan.

Naib johan bagi kumpolan nashid lelaki telah di-sandang oleh Kumpolan Nashid Badan Kebajikan dan Sokan Radio Talivishen Brunei dengan mendapat 73.5 peratus sementara tempat ketiga telah di-menangi oleh Kumpolan Nashid Pasokan Kelas Zikir Jabatan Perubatan dan Kesihatan dengan mendapat 73.00 peratus.

Manakala juara nashid seluroh negeri bagi perempuan pula telah di-menangi oleh Kumpolan Nashid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong. Kumpolan itu membawakan lagu Nabi Mohammad Pembela Keadilan dan mendapat markah 80.00 peratus.

Naib johan bagi kumpolan nashid perempuan pula jatoh kapada Kumpolan Nashid Nisaul-Ummah Persatuan Perangkap dengan mendapat markah 77.12 peratus sementara tempat ketiga telah di-menangi oleh Kumpolan Nashid Kelas Zikir Guru-Guru Ugama Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah di-sertai oleh 10 buah pasokan ia-itu lima pasokan lelaki dan lima pasokan wanita yang mana sa-banyak enam buah tajok nashid telah di-sediakan oleh pehak penganjor dalam pertandingan nashid perengkat akhir pada malam itu.

Hadiah2 kapada pemenang2 dan pasokan2 yang mengambil bahagian di-akhir pertandingan itu telah di-sampaikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin yang juga telah merasmikan Sambutan Isra' dan Me'raj pada tahun ini.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain menyampaikan Oskar Kejohanan kapada ketua pasokan Nashid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang menjadi juara nashid bahagian perempuan.

## 16 graduate sertai kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yunit Latehan Perjawatan akan menganjorkan Kursus Pengenalan Bagi Graduate2 Yang Baharu Berkhidmat kali yang ketiga mulai minggu depan. Kursus sa-lama enam hari itu akan di-adakan di-Pusat Latehan mulai 23hb Jun.

Sa-ramai 16 orang graduate yang baharu berkhidmat dari lima buah jabatan akan menyertai kursus tersebut.

Lima orang Pegawai Kanan Kerajaan dan dua orang pegawai kanan dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan memberikan cheramah kapada peserta2 kursus itu nanti.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif telah bertolak ka-Singapura pada hari Isnin lalu dalam perjalanannya ka-Sydney, Australia bagi mendapatkan lesen Kepner-Tregoe di-Leadership Development Institute.

Beliau ada-lah merupakan pegawai tempatan yang julong2 kali-nya mengikuti Ranchangan Melesen ini. Hanya apabila menerima lesen itu nanti, beliau akan di-perbolehkan untok melaksanakan Seminar Kepner-Tregoe yang berintisarikan chara2 menyelesaikan masaalah; menganalisa masaalah yang mungkin berbangkit; selain daripada chara2 mengambil keputusan.

Awang Haji Jaya di-jangka berada di-sana kira2 tiga minggu.

Dari muka 1

risan lalu di-hadapan pentas oleh pasokan2 yang mengambil bahagian sa-bagai mengakhiri upachara tersebut.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah berangkat ka-Upachara tersebut.

Lain2 pembesar negara yang hadhir di-Upachara itu termasok-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; Setia Usaha Kerajaan, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Yang Dimuliakan Pehin2, Ketua Jabatan2 Kerajaan serta jemputan2 khas.



BALAI Ibadat Kampong Setia, Kampong Ayer telah mula digunakan dengan mengadakan sembahyang fardzu Jumaat pada 13hb Jun yang lalu. Kira2 500 orang pendudok kampong2 yang berhampiran telah turut sembahyang berjemaah.

Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah membacha Khutbah Jumaat (gambar atas) sementara Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal menjadi Imam sembahyang pada hari itu.

Balai Ibadat itu telah siap baru2 ini. Pembenaan balai itu telah di-mulakan dalam bulan Mach tahun lalu dengan menelan belanja kira2 $100,000.00.

Balai Ibadat yang boleh menampong 700 orang jemaah itu di-bena sa-chara bergotong-royong dan di-jadualkan dibuka rasmi dalam bulan Oktober depan.

## *Kelab Melayu Shell juara Zikir Berpasokan*

SERIA. — Pasokan Zikir Kelab Melayu Shell telah munchol sabagai johan dan naib johan dalam pertandingan zikir perengkat akhir sempena Sambutan Isra' dan Me'raj yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria di-sini pada malam Ahad yang lepas.

Pasokan yang pertama diketuai oleh Ramli bin Kimong dengan membawakan lagu Hairuman telah mendapat markah 84.00 peratus sementara Pasokan naib johan yang di-ketuai oleh Dayang Misnah bte Hanifah mendapat markah 83.5 peratus. Manakala tempat ketiga telah di-menangi oleh Pasokan Kelas Zikir dan Kor'an Muhammad Alam Seria dengan mendapat markah 82.5 peratus.

Sementara itu dalam pertandingan membacha Raweh perengkat akhir juga di-adakan pada malam itu sa-banyak tujoh peserta telah mengambil bahagian.

Johan dalam peraduan itu telah di-menangi oleh Awang Yusof bin Sidup dengan mendapat markah 65.00 peratus, kedua Awang Mohd Zaini bin Shawal dengan markah 62 peratus dan tempat ketiga di-menangi oleh Awang Abdul Rahman bin Moksin dengan markah 61.0 peratus.

Peraduan yang di-adakan pada malam itu telah di-anjorkan oleh Kelas Zikir dan Kor'an Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria dan merupakan projek tahunan bagi sekolah tersebut.

Achara pada malam itu telah di-serikan dengan satu sharahan khas mengenai dengan Isra' dan Me'raj yang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan Brunei. Di-samping itu ia-nya juga di-serikan dengan persembahan membacha Raweh Melayu, bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an serta persembahan marhaban.

Hadiah2 kapada pemenang2 serta pasokan2 yang mengambil bahagian telah di-sampaikan oleh Y.B. Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit.



Y.B. Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit menyampaikan hadiah kapada Dayang Misnah bte Hanifah, Ketua Pasokan Zikir Kelab Melayu Shell yang menjadi naib-johan dalam Peraduan Zikir Berpasokan.

## Mashuarat Agong

TUTONG. — Kedai Sharikat Kerjasama Persatuan Melayu Keriam, Tutong akan mengadakan mashuarat Agong-nya bertempat di-Sekolah Melayu Keriam di-sini pada hari Jumaat 20hb Jun mulai jam 2.00 petang.

Mashuarat tersebut di-jangka akan di-rasmikan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Selamat bin Munap.

Antara agenda2 yang akan di-binchangkan ia-lah memileh ahli2 jawatankuasa baru bagi tahun 1980-1981 dan membangun kedai baru.

Oleh yang demikian setiausaha persatuan itu meminta kapada semua ahli2 persatuan itu supaya akan dapat hadhir di-mashuarat itu nanti.

## Buku Perangkaan sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai yang ingin mengetahui perkembangan perangkaan negara dalam berbagai bidang boleh mendapatkannya dengan memileki sa-buah buku yang khas mengenai-nya yang telah pun di-terbitkan.

Buku Perangkaan Brunei Sa-Tahun (1977-1978) atau Brunei Statistical Yearbook 1977-1978 boleh di-dapati dari Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Jalan McArthur pada masa pejabat di-buka. Harga bagi sa-buah ia-lah $3.00.

Oleh kerana jumlah chetakan-nya sangat terhad, orang ramai yang berhajat hendak membeli buku tersebut di-nasehatkan supaya mendapatkannya dengan segera.

Sementara itu chetakan buku yang sama bagi tahun 1978-79 sedang giat di-usahakan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.